

# Keluarga beri sokongan penuh

**Kuala Lumpur:** Meskipun tugas sebagai ahli politik mencabar dan memerlukan komitmen tinggi setiap masa, ia tidak menghalang Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah untuk menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sains Sosial.

Datuk Seri Salleh Said Keruak, 56, mengakui laluannya untuk menamatkan penyelidikan mengenai masyarakat sivil dan proses pendemokrasi di Malaysia bukan mudah.

## Pernah rasa ‘give up’

Namun, dengan dorongan keluarga dan rakan serta penye-

lia, beliau berjaya menyempurnakan semua tugasannya.

“Syukur... walaupun dihimpit tugas ketat sehingga ada ketikanya rasa ‘give up’ dengan penyelidikan PhD, namun dalam keadaan lemas itu, keluarga dan rakan rapat sentiasa membantu dan memberi sokongan,” katanya kepada pemberita selepas menerima PhD pada Majlis Konvokesyen Ke-37 Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam.

## 7,149 terima diploma, ijazah

Majlis penganugerahan ijazah disempurnakan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, selaku Canselor UPM.



Antara graduan yang ceria selepas menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-37 di Serdang.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

Selain Salleh, turut menerima anugerah sama ialah bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) yang juga bekas ADUN Benta, Pahang, Datuk Suhaiimi Ibrahim.

Pada majlis konvokesyen kali ini, seramai 7,149 graduan menerima diploma dan ijazah masing-masing. Majlis penga-

nugerahan yang bermula kelmarin akan berakhir esok.

Salleh yang dilantik Speaker DUN Sabah bagi penggal kedua, berkata tercetusnya semangat untuk menyambung pengajian bermula pada 1996 iaitu selepas tamat tempohnya sebagai Ketua Menteri.